

# Pelajar UPM maut, tiga rakan parah dalam nahas

REMBAU: Seorang pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) maut, manakala tiga rakannya cedera parah apabila van yang mereka naiki terbabas dan terbalik di Kilometer 249.2 Lebuhraya Utara Selatan dekat Rembau, semalam.

Selain itu, tiga penumpang lain yang juga pelajar UPM hanya cedera ringan.

Pemangku Ketua Trafik negeri, Asisten Superintendent Abdul Majid Manaf, berkata mangsa yang mati ialah Wong Ying Ching, 21, dari Sri Kembangan, manakala tiga yang cedera parah pada kepala dan badan ialah Lai Tien Foong dan Yap Wai Hoong, masing-masing 20 serta Loh Chee Foong, 19.

Bagaimanapun, identiti tiga rakan mereka yang hanya cedera ringan belum dikenal pasti.

Majid berkata van itu menuju Kuala Lumpur dari Ayer Keroh apabila terbabas dan melanggar sebatang pokok sebelum terbalik kira-kira jam 7.30 malam semalam.

Sementara itu, di Seremban, mayat seorang warga Indonesia yang hanya dikenali sebagai Salim dijumpai dalam tandas sebuah rumah di Taman Desa Seri Pulasan dekat Jalan Rasah, pagi semalam.

21/1/2023